

Tingkat pendidikan kejururawatan hadapi cabaran lebih getir



Pensyarah Kanan Kulliyah Kejururawatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Oleh Dr Muhammad Kamil Che Hasan
bhrencana@bh.com.my

Perjuangan membendung penularan COVID-19 banyak memberi impak kepada pejuang barisan hadapan, terutama profesional penjagaan kesihatan termasuk jururawat.

Bagi kerjaya kejururawatan, pandemik ini boleh diselami dalam pelbagai konteks yang mungkin menterjemahkan keterterapan bidang kejururawatan dalam mengubah corak kerjaya pada masa hadapan.

Jururawat bukan sekadar menjaga pesakit, malah cabang tugas utama, termasuk promosi penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri.

Aspek pendidikan kejururawatan mem-babitkan peranannya dalam penjagaan masyarakat, perkembangan bidang pengkhususan serta kepimpinan kejururawatan memerlukan penelitian secara berkala.

Rentak ini juga harus sejajar dengan perubahan teknologi pesat, peningkatan populasi warga emas di dunia serta liku-liku dan cabaran semasa dalam memberikan penjagaan sebaik mungkin.

Kesan jangka panjang COVID-19 mengubah landskap dalam bidang kejururawatan di seluruh dunia, memerlukan seseorang berdaya tahan, berdedikasi dan empati dalam memberikan perawatan kepada masyarakat.

Justeru, perubahan bidang pendidikan harus diketengahkan supaya anjakan paradigma dalam kerjaya jururawat dan peranan jururawat juga perlu dilihat dalam skop lebih luas.

Sejajar seruan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pendidikan dalam bidang kejururawatan seharusnya diseragamkan di seluruh dunia dengan kelayakan minimum pada peringkat sarjana muda.

Ini selari dengan pemikiran lebih kritis dan nilai tambah terhasil sepanjang pengajian.

Selain itu, bagi memaksimumkan nilai potensi diri jururawat, individu terbabit digalakkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi tanpa mengenal jurang usia, lebih-lebih lagi pengajian kini boleh dilakukan secara dalam talian di institusi yang terakreditasi.

Tambahan pula, pengajaran daripada pandemik ini juga boleh dijadikan contoh nilai tinggi yang wujud dalam kalangan jururawat kerana golongan itu menjadi individu yang senantiasa berada bersama pesakit dan orang disayangi ketika saat-saat getir dalam hidup.

Situasi sebegini dilihat 'tidak asing' sepanjang tempoh wabak ini apabila jururawat sering mendampingi pesakit, memberikan keselesaan dan menunjukkan perasaan belas daripada hati pada saat-saat akhir hidup pesakit.

Seiring kepesatan teknologi, peranan jururawat tidak lagi perlu terhad dengan hanya bekerja di hospital atau klinik kesihatan, namun skopnya perlu diperluas kepada bidang tele-penjagaan kepada pesakit yang mengalami masalah mendapatkan rawatan di kemudahan disediakan.

Lebih-lebih lagi keadaan pandemik seperti sekarang, penjagaan secara maya melalui tele-penjagaan perlu diperkukuhkan.

Hal ini juga boleh berfungsi sebagai nilai tambah kepada kaedah tradisional dalam kelestarian pembabit komuniti kepada sistem kesihatan sedia ada.

Perlu diingat jururawat ialah kerjaya mulia yang memerlukan kerja keras dan dedikasi diri tinggi dalam memenuhi keperluan memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat.



Apatah lagi dalam mendepani pandemik COVID-19, ramai jururawat terpaksa berurusan dengan pesakit berada di luar bidang kemahiran mereka. Hal ini, mendorong keperluan supaya jururawat mempunyai pengkhususan yang pelbagai.

Jururawat mesti mempersiapkan diri dalam mendepani cabaran mendatang yang mungkin lebih buruk sejajar dengan peningkatan populasi dunia.

Justeru, kurikulum pengkhususan pada peringkat sarjana harus merangkumi lebih banyak pengkhususan kepakaran membabitkan pengalaman klinikal seperti kecemasan, perawatan kritikal, perawatan warga emas, perawatan penyakit akut dan kronik serta kesihatan awam dalam kesiapsiagaan menghadapi sebarang bentuk bencana.

Hal ini ditambah pula dengan lonjakan bilangan pesakit mempunyai pelbagai masalah dan gejala memerlukan pengkhususan kemahiran klinikal lanjutan, kerumitan kerja serta komitmen terhadap rawatan pesakit.

Di samping itu, negara juga harus memberikan merit kepada kerjaya jururawat am dan pengkhususan serta dunia kejururawatan dalam memenuhi keperluan tenaga profesional dalam bidang kesihatan.

Jururawat turut memikul beban berat, kelelahan dari segi fizikal, mental serta kerohanian berhak mendapat sokongan daripada kerajaan.

Kekurangan kepakaran bidang kejururawatan bakal menghadkan perawatan kepada pesakit, malah melemahkan penjagaan rawatan dalam mendepani pelbagai cabaran yang timbul. Penjagaan berkualiti dapat membantu mencorakkan semula penjagaan kesihatan lebih baik pada masa hadapan.

Selain itu, jururawat juga harus menjadi pemimpin bukan hanya dalam memberikan penjagaan dan perawatan, malah dalam menentukan sistem penjagaan kesihatan.

Lebih ramai jururawat perlu terbabit dalam menilai dan mengintegrasikan keperluan masyarakat dalam penjagaan kesihatan, terutama membantu penduduk yang rentan.

Peluang kepimpinan yang diberikan haruslah sejajar dengan kelulusan akademik seseorang jururawat tanpa menafikan pengalaman dalam bidang yang menjadi nilai tambah kepada seseorang jururawat.

Dalam membentuk budaya kesihatan dalam masyarakat, semua pihak perlu menyokong peranan

kepimpinan jururawat dalam memperjuangkan kesihatan masyarakat secara global.

Jururawat berdaftar haruslah berganding bahu seiring ahli profesional kesihatan lain dalam memenuhi barisan hadapan bagi kesejahteraan kesihatan sejagat.

Hal ini juga perlu diketengahkan dalam bidang pendidikan, iaitu jururawat perlu berdiri sendiri dalam membina kerjaya dan berada terkehadapan setanding profesion lain.

Bidang kejururawatan seharusnya serta perlu untuk bernaung sebagai sebagai institusi atau fakulti setanding negara membangun lain dalam menyampaikan ilmu kejururawatan.

Bidang perubatan banyak membantu bidang kejururawatan untuk berdiri sendiri dan penghargaan khusus harus diberikan kepada mereka.

Sekiranya bidang kejururawatan mengambil inisiatif ini secara serius, kita perlu mengatur dan melaksanakan perubahan dalam pendidikan dan amalan kejururawatan serta turut sama dalam menentukan dasar dan hala tuju sistem kesihatan negara.

Masyarakat dunia sedar akan kewujudan COVID-19 ini dalam keadaan kita tidak bersedia sepenuhnya dalam mendepani cabaran seperti ini serta perlu berhadapan pandemik sebaiknya.

Perhatian sewajarnya harus diberikan dalam merencanakan kesiapsiagaan sektor pendidikan kejururawatan dan amalan pengkhususan dalam mendepani cabaran pandemik mendatang.

Contohnya, pengkhususan penjagaan pesakit pada peringkat sarjana dan kedokteran hendaklah dipertingkatkan sejajar dengan peningkatan taraf pendidikan masyarakat Malaysia, dalam mendepani arus perubahan kesihatan global terhadap kesejahteraan kehidupan masyarakat.

Jururawat dengan pengkhususan di negara membangun sudah mampu memberikan perkhidmatan penjagaan maksimum kepada pesakit dengan kadar keberhasilan ketara.

Bagaimanapun, setiap jururawat haruslah memiliki kekuatan, minat dan kepakaran tertentu menjurus kepada jururawat sejahtera.

Strategi dan hala tuju kejururawatan sebegini perlu dipersiapkan seiring dengan saranan WHO dalam persiapan ke arah negara maju serta mendepani cabaran mendatang.